

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera Dan Salam Perpaduan,

Tuan/ Puan,

Dengan hormatnya dikemukakan laporan media pada tarikh **6 Januari 2020 (Isnin)** untuk makluman warga PERPADUAN.

BERITA / ARTIKEL :

BIL	TARIKH	TAJUK BERITA	AKHBAR	M/S	KATEGORI
1	6 Jan 2020 (Isnin)	15 KRT Kuala Lumpur latih belia di iGROW	Sinar Harian	18	Makluman
2	6 Jan 2020 (Isnin)	KRT Taman Derga Jaya lambing harmoni	Sinar Harian	38	Makluman

2. SINOPSIS :

1. 6 Jan 2019 (Isnin), Sinar Harian ms 18:

Sebanyak 15 Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Kuala Lumpur menjalinkan kerjasama dengan Institut Agro Usahawan (iGROW) bagi membantu golongan miskin bandar. Kerjasama ini membabitkan empat cluster yang menggabungkan Jiran Muda, Jiran Wanita malah turut melibatkan Tunas Jiran. Sehingga kini ada 15 KRT yang telah menjalinkan kerjasama dengan pihak iGROW dan ini yang merupakan kumpulan ketiga.



2. 6 Jan 2019 (Isnin), Sinar Harian ms 38:

Penduduk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Derga Jaya membuktikan perbezaan kaum dan agama tidak menghalang mereka hidup dalam suasana harmoni. Kira-kira 70 peratus penduduknya terdiri daripada masyarakat Cina, diikuti 28 peratus kaum Melayu dan selebihnya kaum India. Kami hidup dalam keadaan penuh perpaduan walaupun masyarakat Cina adalah majoriti penduduk disini manakala kaum Melayu dan kaum India hanya minoriti sahaja. Walaupun berbeza kami tiada masalah antara satu sama lain dan saling bantu membantu apabila diperlukan.

38 **NASIONAL** ISNIN 6 JANUARI 2020 • SINAR HARIAN

KRT Taman Derga Jaya lambang harmoni

Perbezaan kaum dan agama bukan penghalang erat persaudaraan

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

#KITALAH MALAYSIA

Penduduk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Derga Jaya di sini membuktikan perbezaan kaum dan agama tidak menghalang mereka hidup dalam suasana harmoni.

Pengerusi KRT Taman Derga Jaya, Anuar Yatim, 51, berkata, terdapat hampir 2,000 unit kediaman di KRT Taman Derga Jaya dihuni masyarakat pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India.

Menurutnya, kira-kira 70 peratus penduduk di kawasan berkenaan terdiri daripada masyarakat Cina, diikuti 28 peratus kaum Melayu dan selebihnya ialah kaum India.

"Kami hidup dalam keadaan penuh perpaduan walaupun masyarakat Cina adalah majoriti penduduk di sini, manakala kaum Melayu dan India hanya minoriti sahaja.

"Saya Melayu tetapi diberi peluang memegang jawatan sebagai pengerusi untuk memimpin rakan-rakan lain yang terdiri daripada pelbagai bangsa," katanya.

Menurutnya, seramai 16 ahli jawatankuasa KRT Taman Derga Jaya di bawah pimpinannya terdiri daripada kaum Cina, manakala lima lagi adalah Melayu dan selebihnya daripada kaum India.

"Kami dapat berbincang dengan baik ketika mesyuarat dan boleh menerima pandangan yang disuarakan untuk manfaat semua kaum yang menghuni taman perumahan ini," katanya.

Anuar yang juga Pembantu Operasi (Nobat) Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Kedah berkata, beliau selesa berjiran dengan kaum lain di kawasan perumahan itu.

"Walaupun berbeza, kami tiada masalah antara satu sama lain dan saling bantu-membantu apabila diperlukan," katanya.

Saling membantu

Menurutnya, keharmonian dan perpaduan antara kaum jelas terbukti ketika mengadakan sesuatu aktiviti.

"Tidak kira sama ada majlis kacau bubur asyura, Hari Raya Haji, Hari Malaysia atau Deepavali, semua penduduk saling memberi sokongan," katanya.

Katanya, sebagai contohnya, kira-kira 700 orang memeriahkan karnival dan bazar sempena Deepavali pada November lepas.

Beliau berkata, kini penduduk sepatutnya menyambut Tahun Baru Cina yang dirancang diadakan pada akhir Januari ini.

"Bukan itu sahaja, kita boleh duduk semeja berborak dan bergurau senda di gerai tepi jalan walaupun berbeza agama, kaum dan latar belakang masing-masing.

"Begitu juga dalam aktiviti kesukanan, kita boleh lihat waktu petang tak kira sama dia kaum Cina, Melayu ataupun India, tua ataupun muda semua boleh main bersama-sama," katanya.

Menurutnya, mereka juga saling prihatin membabitkan kebajikan penduduk KRT Taman Derga Jaya tidak kira kaum mana sekalipun.

"Jika kita dapat tahu ada penduduk berdepan masalah, kita akan mendengar keresahannya sebelum menyalurkan kepada pihak bertanggungjawab," katanya.

Anuar memberitahu, penduduk kawasan berkenaan hidup bahagia dalam keharmonian berkecuali kerana masing-masing bukan hanya mengesetikan perbezaan kaum tetapi juga politik.

Katanya lagi, setiap penduduk menjadikan skop perpaduan masyarakat majmuk sebagai kunci kehidupan masing-masing.



Anuar (kiri) menyerahkan cenderahati kepada salah seorang AJK KRT Taman Derga Jaya, Kedah.



Anuar (tengah) bersama dengan Pegawai Perpaduan Daerah Kota Setar/ Padang Terap/ Pokok Sena, Mohamed Zaidman Zainal Abidin (kiri) pada aktiviti kacau bubur asyura pada September lepas.



Anuar duduk berbual dengan seorang penduduk, Yap Beng Heng (kiri) di sebuah gerai tepi jalan di Taman Derga Jaya, Kedah.



Anuar (tengah) bersama barisan AJK KRT Taman Derga Jaya, di sini, yang berbilang kaum dan agama.

"Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian"

MOHD FAISAL BIN SALEH

Bahagian Korporat

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perdana Menteri